

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HSM 212 Sejarah Politik Malaysia hingga Abad ke-19

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI SEMBILAN [9] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT

Jawab EMPAT [4] soalan, termasuk SATU [1] soalan daripada setiap Bahagian A, B dan C.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Kesultanan Melaka

1. Terangkan mengapa Prof. Wang Gungwu menolak tanggapan R.O. Winstedt bahawa Parameswara dan Megat Iskandar Syah haruslah dianggap sebagai orang yang sama di dalam Salasilah Raja-Raja Melaka.
2. Adakah suatu corak masyarakat feudal wujud di dalam Kesultanan Melaka?
3. Sejauhmanakah rasuah, iri hati dan persaingan di kalangan para pedagang bertanggungjawab terhadap kejatuhan Melaka pada tahun 1511?

BAHAGIAN B - Aceh-Patani-Johor-Imperialisme

4. Banding dan bezakan asal usul dan corak pemerintahan Raja-Raja Perempuan di negeri-negeri Patani dan Aceh di antara abad-abad ke-16 dan ke-17.
5. Adakah pembunuhan Sultan Mahmud pada tahun 1699 merupakan suatu titik peralihan di dalam sejarah Kerajaan Johor?

6. Sejauhmanakah campur tangan Kerajaan Inggeris di Negeri-Negeri Melayu Semenanjung pada tahun 1874 telah didorongkan oleh ide-ide Imperialisme Baru?

BAHAGIAN C - Brunei, Sarawak dan Sabah

7. Berdasarkan kajian anda ke atas Salasilah Raja-Raja Brunei, berikan pendapat-pendapat anda kenapa adalah sukar untuk menyusun satu kronologi yang jelas dan kukuh tentang Raja-Raja Brunei daripada raja pertama yang memeluk ugama Islam sehingga awal abad ke-19.
8. Apakah perjanjian di antara Sultan Brunei dan Kerajaan Inggeris pada tahun 1847 telah meletakkan pemerintahan James Brooke di dalam lingkungan imperialisme Kerajaan Inggeris?
9. Bincangkan kenapa Kerajaan Inggeris sanggup membawa Brunei, Sarawak dan Borneo Utara secara rasminya di bawah naungannya pada tahun 1888?

-ooooO00oooo-